

# TEKNIK PENYAMPAIAN KHUTBAH BERKUALITI

## PENDAHULUAN

Khutbah adalah satu medium ilmu dan dakwah yang amat signifikan dalam Islam kerana ia menjadi satu kewajipan di dalam solat Jumaat khususnya. Adalah tidak sah solat Jumaat tanpa khutbah dengan syarat-syarat dan rukun-rukun tertentu yang perlu dipatuhi semasa berkhutbah. Khutbah yang berkesan akan memberikan pengisian rohani yang terbaik kepada jemaah yang hadir dan mengangkat martabat ilmu mereka di sisi Allah s.w.t. melalui penyariatian solat Jumaat. Firman Allah S.W.T:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا  
الْبَيْعَ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”*(al-Jumuah: 9).

## TAKRIF KHUTBAH

Khutbah berasal dari kata *يَخْطُبُ – يَخْطَبُ – خُطْبَةٌ* yang bermakna Khutbah adalah pidato atau syarahan atau perbuatan menerangkan atau menghuraikan sesuatu atau memberi nasihat dalam kegiatan ibadah seperti solat Jumaat, Aidilfitri, Aidil Adha, Gerhana Bulan, Gerhana Matahari, Solat Minta Hujan dan termasuk juga Khutbah Nikah.

Menurut istilah, khutbah berarti kegiatan ceramah kepada sejumlah orang Islam dengan syarat dan rukun tertentu yang berkaitan langsung dengan pelaksanaan ibadah tersebut.

## **SYARAT DAN RUKUN KHUTBAH**

Syarat sah khutbah ialah kualiti dan perkara yang perlu dimiliki sebelum (atau di luar perlakuan) menyampaikan khutbah, iaitu seperti berikut:

1. Mukallaf: Islam, berakal dan baligh
2. Khatib hendaklah berdiri sekiranya berkemampuan berbuat demikian.
3. Khatib hendaklah duduk selepas khutbah yang pertama
4. Khatib hendaklah suci daripada hadas kecil dan besar
5. Khatib hendaklah menutup aurat.
6. Khutbah hendaklah dibaca berturut-turut tanpa diselangi oleh masa yang lama tanpa sebab.
7. Khutbah dilaksanakan sesudah masuk waktu zuhur.

### **Rukun Khutbah**

1. Bertahmid (memuji Allah) / bertakbir (khutbah hari raya).
2. Berselawat
3. Berwasiat dengan taqwa
4. Membaca ayat al-Quran pada salah satu khutbah
5. Berdoa pada khutbah kedua

## **SUNAT-SUNAT DAN ADAB BERKHUTBAH**

Adalah disunatkan kepada ketika berkhutbah:

1. Khatib berdiri di atas mimbar ketika berkhutbah.
2. Memulakan khutbah dengan memberi salam.
3. Khutbah hendaknya jelas, mudah dipahami, tidak terlalu Panjang.
4. Khatib menghadap jamaah ketika khutbah.

## LARANGAN SEMASA BERKHUTBAH

Semasa khatib sedang berkhutbah adalah dilarang berkata-kata dan melakukan perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan khutbah Jumaat. Sebarang bentuk perbuatan yang menghalang daripada fokus terhadap usaha mendengar khutbah adalah dilarang dan menyebabkan amalan tersebut sia-sia dan tidak mendapat pahala mendengar khutbah Jumaat tersebut. Rasulullah S.A.W bersabda di dalam hadith:

Maksudnya: "*Jika kamu berkata kepada temanmu, "Diamlah", sementara imam sedang berkhutbah di hari Jumaat, sungguh dia telah berbuat sia-sia.*" (al-Bukhari & Muslim)

Begitu juga apabila tidak menumpukan perhatian terhadap khutbah yang disampaikan seperti bermain telefon bimbit, bergurau, membaca bahan-bahan bacaan lain, maka ia tidak mendapat pahala Jumaat seperti dalam hadith:

Maksudnya: "*Siapa yang bermain kerikil ketika khatib tengah berkhutbah berarti ia telah menggugurkan pahala Jumaatnya.*" (Muslim dan Abu Daud)

## TEKNIK PENYAMPAIAN KHUTBAH BERKUALITI

Penyampaian khutbah khususnya khutbah Jumaat yang berkesan adalah amat penting kerana ia adalah satu-satu ibadah yang dilakukan di masjid atau tempat khusus yang dihadiri oleh bilangan jemaah yang agak ramai. Maka khutbah menjadi medium terbaik dalam penyampaian dakwah dan ilmu untuk jemaah yang hadir.

### **1. Uswah Hasanah dan Malakah Nafsiah**

Kemampuan dalam penyampaian khutbah amat bergantung kepada "**malakah nafsiah**" iaitu jati diri dan kewibawaan seseorang itu dalam kehidupan beragamanya yang menyumbang peratusan yang amat besar dalam mempengaruhi para pendengar khutbah di hadapannya. Syarahan dan khutbah akan dilihat lebih berwibawa apabila ia datang daripada insan yang soleh yang sentiasa selari di antara tutur kata dan tindakannya berteraskan ilmu

yang mantap. Rasulullah s.a.w telah menunjukkan tauladan terbaik melaksanakan apa yang diperkatakannya seperti terkandung di dalam al-Quran. Saidatina Aisyah apabila ditanya mengenai akhlak Rasulullah S.A.W, beliau menjawab: “*Akhlak rasulullah adalah al-Quran*” (Ahmad Ibn Hanbal).

## **2. Persediaan Rapi**

Khatib yang berkesan akan membuat persiapan yang rapi sebelum menyampaikan khutbah. Buat masa kini, penyediaan teks khutbah telah disediakan oleh pihak Jabatan Mufti Pahang. Khatib hanya perlu membaca dan menghayatinya agar dapat disampaikan dengan baik dan lancar. Teks khutbah tersebut hendaklah dibaca berulang-ulang kali untuk menjamin kelancaran sebutan dengan intonasi suara yang betul.

Di samping itu, khatib hendaklah memastikan dirinya berada dalam keadaan yang baik, tidak terlalu kenyang atau lapar, emosi yang baik, fikiran yang tenang tanpa sebarang gangguan daripada dalam dirinya mahupun daripada unsur-unsur luar dan dalam keadaan sentiasa bersedia untuk menyampaikan khutbah. Melakukan solat hajat atau bacaan al-Quran sebelum tiba waktu berkhotbah juga adalah sebahagian daripada persiapan diri yang berkesan untuk membina keyakinan dan ketenangan sebelum menyampaikan khutbah.

## **3. Menghayati Isi Kandungan Khutbah dan Intonasi Suara**

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam teks khutbah tersebut yang hendaklah dipastikan sebutannya betul dan maksudnya difahami dengan jelas tanpa sebarang keraguan. Kegagalan dalam memahaminya akan menyebabkan ia akan gagal diungkapkan dengan yakin dan berkesan lebih-lebih lagi istilah dan ayat yang digunakan itu adalah perkataan yang dipinjamkan daripada bahasa asing seperti bahasa Inggeris mahupun bahasa Arab dan lain-lain lagi.

Seterusnya, intonasi setiap ayat perlu dipadankan dengan maksud ayat atau perenggan tersebut. Kesilapan intonasi menjadikan penyampaian tersebut hambar dan tidak menarik perhatian para jemaah. Bahkan ia akan membawa konotasi makna yang berbeza dan lari daripada maksudnya yang sebenar.

#### **4. Bersemangat dan Mesej Disampaikan Dengan Jelas**

Khutbah Jumaat khususnya merupakan medium penyampaian ilmu berterusan yang perlu diberi perhatian penuh oleh para khatib agar penyampaiannya benar-benar memberi kesan kepada para Jemaah khususnya mereka yang hanya hadir ke masjid hanya untuk solat jumaat sahaja kerana ia wajib dilakukan berjemaah di tempat yang khusus sahaja iaitu di masjid atau dewan solat yang digazetkan untuk solat Jumaat.

Khatib hendaklah menyampaikan khutbah dengan penuh semangat dan menumpukan penghayatan terhadap mesej utama khutbah tersebut. Para jemaah yang datang adalah daripada latar belakang yang berbeza dan sebahagian besar mereka adalah sedang bertugas dan bekerja. Maka sudah pasti mereka agak keletihan dan akan mengambil kesempatan untuk merehatkan badan mereka daripada keletihan tersebut. Sekira penyampaian khutbah tidak bermaya dan penuturannya tidak lancar serta tidak menarik, ia akan menyebabkan mereka memilih untuk tidur buat sementara sehingga selesai khutbah tersebut. Maka mesej yang disampaikan khatib tidak akan sampai kepada mereka sama sekali.

#### **5. Menguasai Isu-isu Semasa dan Perkembangan Terkini**

Susunan khutbah yang dilakukan oleh pihak Jabatan Mufti Pahang akan mengambil kira isu-isu semasa yang berlaku dalam kehidupan harian di Pahang mahupun di Malaysia lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan persoalan agama dan umat Islam. Namun sebagai khatib yang berkesan dalam penyampaian khutbahnya, dia hendaklah berusaha mengetahui isu-isu

tersebut dengan gambaran yang lebih luas dan menyeluruh agar penyampaiannya lebih berkeyakinan dan berterampilan.

Jika khatib hanya membaca sahaja teks khutbah tersebut tanpa mempunyai pengetahuan yang mencukupi, adalah dikhuatiri ia hanya sekadar penutur yang tidak berperasaan seumpama burung Kakak Tua yang berbicara tanpa mengetahui maksud sebenar perbicaraannya itu.

## **6. Kreatif dan Berusaha Menarik Perhatian Pendengar**

Kreativiti khatib dalam membina olahan ayat khutbahnya adalah penting untuk menjadikan khutbah yang disampaikan itu kelihatan segar dan menarik perhatian para jemaah yang mendengarnya. Teks khutbah sengaja diolah dengan ayat yang paling mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, khatib boleh berusaha membina kreativiti dengan bantuan intonasi suara dan juga ayat-ayat tertentu yang dapat mencuit perhatian para jemaah untuk terus mengikuti lantunan petikan khutbah tersebut.

Selain daripada itu, pihak masjid boleh mempamerkan isi-isi penting khutbah melalui layar besar yang disediakan atau TV masjid sama ada semasa khutbah sedang disampaikan mahupun sebelum khutbah bermula untuk menambahkan lagi pemahaman para jemaah terhadap mesej dan isi kandungan khutbah tersebut.

Khatib juga boleh mengulangi beberapa kali ayat-ayat atau isi-isi penting khutbah agar tumpuan sepenuh diberikan oleh para jemaah terhadap khutbahnya. Dengan itu, maksud khutbah dapat disampaikan dengan berkesan sebagaimana Rasulullah s.a.w pernah mengulangi pecakapannya sebanyak tiga kali dalam sesetengah ucapan dan bicaranya agar ia lebih mudah difahami dan diberi perhatian oleh para Sahabat.

## **7. Kelebihan Mengingati Ayat-ayat al-Quran dan Hadith**

Adalah menjadi bonus kepada khatib sekiranya dapat menghafal ayat-ayat al-Quran dan hadith untuk menjadikan penyampaian khutbahnya lagi lancar dan teratur terutamanya apabila memetik ayat-ayat al-Quran dan hadith yang digunakan di dalam teks khutbah tersebut. Kegagalan membacanya dengan lancar dengan kesalahan terhadap sebutan baris dan makhraj yang betul akan mencacatkan kewibawaan khatib itu sendiri kerana ayat-ayat al-Quran dan hadith tersebut adalah teras utama perbincangan khutbah tersebut.

## **PENUTUP**

Teknik-teknik berkesan untuk meningkatkan kualiti penyampai khutbah adalah fleksibel dan bergantung kepada demografi penduduk setempat dan persekitaran mereka. Namun, secara umumnya pendekatan-pendekatan yang telah dibincangkan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh para khatib untuk menyampaikan khutbah mereka secara berkesan dan berkualiti. Semoga ia dapat membantukan meningkatkan lagi usaha-usaha semua pihak untuk menjadikan khutbah sebagai medium terbaik dalam penyampaian ilmu kepada semua lapisan masyarakat Islam di Malaysia.

Rujukan:

1. Al-Quran dan terjemahan
2. Fath al-Bari bi syarh Sahih al-Bukhari, Ibn Hajar al-Asqalani.
3. Sunan Abu Dawud, Abi Dawud al-Sijistani.
4. Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal, Ahmad Ibn Hanbal.
5. Sahih Muslim bi syarh al-Nawawi, Imam al-Nawawi.
6. Fiqh Islami wa adillatuhu, Prof Dr. Wahbah al-Zuhaili.
7. Al-Iqna' fi hal alfaz Abi syuja', al-Khatib al-Syirbini.
8. Al-Khitabah: nazarian wa amalian, Muhammad Abd al-'Al al-Hanawi
9. Himpunan Khutbah Masjidil Haram, Ikatan Penulis dan Penterjemah Alumni al-Azhar